

10.2.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

### **GANGGUAN BEKALAN AIR PADA AKHIR APRIL DI PULAU PINANG (24 – 48 JAM)**

- **Kerja-kerja penyambungan akhir berjadual untuk Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai yang baharu bernilai RM8.7 juta (Fasa1) di Seberang Perai.**
- **Kira-kira 337,000 pengguna air di tanah besar dan pulau akan terjejas oleh gangguan bekalan air berjadual (SWSI) selama 24 - 48 jam.**

PULAU PINANG, Isnin, 10.2.2025: PBAPP merancang untuk melaksanakan kerja-kerja penyambungan akhir bagi bahagian Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) baharu Pulau Pinang bernilai RM8.7 juta (Fasa1) di Ampang Jajar, Seberang Perai Tengah (SPT) pada 25.4.2025.

Apabila siap, SP-RCP 1.35m akan menyokong kapasiti pengepaman air terawat maksimum 247JLH. Ia akan membolehkan pengepaman air terawat yang lebih selamat dan lebih efisien dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan di tanah besar dan bahagian pulau, Pulau Pinang (melalui saluran paip dasar laut berkembar).

Dipasang pada struktur sokongannya sendiri kira-kira 5 meter di atas permukaan Sungai Perai, SP-RCP akan menggantikan 2 saluran paip sementara 600mm yang diletakkan di sepanjang jambatan Ampang Jajar yang dilalui kenderaan.

Pada 1.2.2025, status kerja projek SP-RCP berjalan mengikut jadual, dan mencapai 70%.

#### Notis awal gangguan bekalan air berjadual 24 - 48 jam

Bahagian saluran paip SP-RCP adalah komponen saluran paip bekalan air utama yang meliputi dari LRA Sungai Dua (LRA terpenting Pulau Pinang) di Seberang Perai Utara (SPU) ke Sungai Perai di SPT.

PBAPP memberi notis awal mengenai kerja-kerja penyambungan akhir berjadual projek SP-RCP kerana ia akan menjelaskan bekalan air kepada **kira-kira 337,000 pengguna air di semua 5 daerah di negeri ini, termasuk majoriti pengguna air industri di Bayan Lepas, Perai, Bukit Minyak dan Batu Kawan.**

PBAPP perlu menghenti tugas sementara bahagian saluran paip SPU-SPT pada 25.4.2025 untuk membolehkan kerja-kerja penyambungan akhir, serta kerja ujian dan pengoperasian.



Ketika tempoh henti bekalan air, PBAPP juga akan menjalankan kerja-kerja pembaikan segera untuk membaiki saluran paip 1.2m yang bocor di lokasi lain di pinggir sungai (Jalan Pengkalan Tambang) di SPU, berhampiran LRA Sungai Dua. Seperti SP-RCP, kerja-kerja pembaikan ini akan menyokong pengepaman air yang lebih cekap dari LRA terpenting Pulau Pinang.

Henti tugas sementara bahagian saluran paip SPU-SPT yang akan menyebabkan **gangguan bekalan air berjadual (SWSI) selama 24 – 48 jam di daerah/kawasan disenaraikan di Lampiran A.**

Apabila PBAPP menyambung semula pengepaman penuh air terawat dari Sungai Dua, pemulihan bekalan air untuk pengguna-pengguna berhampiran dengan tapak SP-RCP seharusnya mendahului kawasan yang terletak lebih jauh. Ringkasnya, seperti dalam kes SWSI terdahulu yang melibatkan air terawat dari LRA Sungai Dua, pemulihan untuk “pengguna di hulu” akan lebih cepat daripada “pengguna di hilir”.

#### Kemas kini dan peringatan

Sila ambil perhatian bahawa ini adalah notis awal SWSI yang dirancang di Pulau Pinang yang dijadualkan selepas sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2025. Ia diberikan atas arahan Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow.

Walau bagaimanapun, tarikh dan masa sebenar SWSI adalah tertakluk kepada penyiapan semua kerja-kerja persediaan yang diperlukan seperti yang dijadualkan. PBAPP mesti memastikan bahawa semua kerja persediaan adalah untuk meminimumkan kesulitan kepada semua pengguna yang terjejas dan membolehkan pemulihan bekalan air seperti yang dirancang.

Jika terdapat kelewatan yang berkaitan dengan kerja penyambungan akhir SP-RCP disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka pada masa ini, SP-RCP SWSI akan ditangguhkan. PBAPP tidak boleh berkompromi dengan integriti dan keselamatan kejuruteraan.

Sehubungan itu, kami akan mengeluarkan peta kawasan terjejas, butiran lebih spesifik kawasan terjejas, kemas kini kerja tapak dan peringatan untuk menyimpan air pada bulan Mac dan April 2025, sebelum pelaksanaan SP-RCP SWSI.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah  
Seksyen Komunikasi Korporat

Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

**MAJOR END-APRIL WATER SUPPLY INTERRUPTION IN PENANG (24 – 48 HOURS) ON FRIDAY, 25<sup>TH</sup> APRIL 2025, 10:00 PM – SUNDAY, 27<sup>TH</sup> APRIL 2025, 10:00 PM**

**APPENDIX A**

District	Key Areas	Consumers	Duration of SWSI
SPU	<b>Mak Mandin</b> <b>Bagan Luar</b> <b>Jalan Siram</b> <b>New Chain Ferry</b> <b>Bagan Baru</b> <b>Jalan Heng Choon Thian</b> <b>Jalan Assumption</b> <b>Jalan Chain Ferry</b> <b>Sg Nyior</b> <b>Perai</b>	21,111	<b>24 hours</b>
SPT	<b>Kawasan Perindustrian Perai</b> <b>Auto City</b> <b>Taman Nagasari</b> <b>Taman Chai Leng</b> <b>Perai</b> <b>Juru</b> <b>Seluruh Kawasan Science Park</b> <b>Taman Perindustrian Bukit</b> <b>Minyak</b> <b>Perusahaan Juru/ Kpg Tok</b> <b>Kangar</b> <b>Jalan Song Ban Kheng</b> <b>Taman Pelangi</b> <b>Seluruh Kawasan Bukit Tengah</b> <b>Sepanjang Jalan Permatang</b> <b>Pauh</b> <b>Pangsapuri Perda</b> <b>Jalan Pengkalan</b>	38,796	<b>24 hours</b>
SPS 1	<b>Eco Horizon</b> <b>Simpang Ampat</b> <b>Permatang Tinggi</b> <b>Kuala Tasek</b> <b>Persiaran Cassia</b> <b>Nibong Tebal</b> <b>Bukit Tambun</b> <b>Batu Kawan</b> <b>Pulau Aman</b> <b>Tmn Perindustrian Batu Kawan</b>	50,553	<b>24 hours</b>



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

	<b>Bandar Tasek Mutiara Kg Padang Lalang Kawasan Perindustrian Valdor Taman Bukit Panchor Byram</b>		
<b>SPS 2</b>	<b>Mukim 5, Sungai Duri Sungai Bakap Sungai Jawi Persiaran Bukit Jawi</b>	<b>15,614</b>	<b>48 hours</b>
<b>DBD 1</b>	<b>Gelugor Jalan Sultan Azlan Shah Batu Uban Sungai Dua Taman Pekaka Jalan Aziz Ibrahim Bukit Jambul Bayan Baru Bayan Mutiara Pulau Jerejak Penang FTZ Batu Maung Permatang Damar Laut Teluk Tempoyak Kawasan Lip Sin Sungai Nibong Jalan Yeap Chor Ee Bukit Gelugor Bukit Gambir Bukit Jambul Jalan Tun Dr Awang</b>	<b>68,348</b>	<b>24 hours</b>
<b>DBD 2</b>	<b>Paya Terubong (Relau) Sg Ara Jalan Ismail Hashim Bukit Gedung Sungai Tiram Bayan Lepas Teluk Kumbar Bukit Belah Sg Batu Teluk Kumbar Gertak Sanggul Batu Itam Bukit Penara Persiaran Mayang Pasir</b>	<b>62,442</b>	<b>48 hours</b>



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

<b>DTL</b>	<b>Jalan Perak Jalan Lim Khoon Huat Jalan Kebun Nyior, Solok Kebun Nyior Jalan Dato Keramat Jalan P.Ramlee Jalan Sungai Pinang Jalan Makloom Jalan Free School Seluruh Georgetown Jalan Bukit Dumbar Seluruh Jelutong Island Glades Island Park</b>	<b>68,446</b>	<b>24 hours</b>
	<b>Total</b>	<b>337,064</b>	